



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 6/2022**

KEMUDAHAN CARIAN PERSENDIRIAN

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 6/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 6/2022

Kemudahan Carian Persendirian

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah berhubung tatacara penyampaian perkhidmatan urusan carian persendirian selaras dengan seksyen 384 Kanun Tanah Negara [Akta 828].

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Seksyen 384 Akta 828 memperuntukkan bahawa tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dan apa-apa syarat lain (jika ada) yang dinyatakan dalam kaedah tanah negeri, seseorang boleh memeriksa dan mengambil catatan atau mengambil cabutan (secara manual atau cetakan komputer) dari suatu daftar dokumen hak milik, buku perserahan, buku catatan pembetulan, suratcara urusan dan permohonan yang diserahkan atau ditujukan kepada Pendaftar Hakmilik semasa waktu bekerja biasa.

3. Adalah dinasihatkan supaya Pentadbir Tanah menentukan satu kawasan, ruang atau bilik di dalam premis pejabat tanah yang difikirkan sesuai dan selamat untuk dikhaskan bagi pelanggan yang ingin melaksanakan urusan carian persendirian. Tempat yang telah dikenalpasti perlulah disediakan dengan kemudahan yang bersesuaian seperti meja, kerusi dan jika difikirkan suai manfaat oleh Pentadbir Tanah untuk menyediakan peralatan komputer atau kiosk bagi membantu urusan memeriksa, mengambil catatan atau cabutan daripada dokumen-dokumen yang dibenarkan di bawah seksyen 384 Akta 828.

4. Mana-mana pegawai yang dilantik atau diarahkan oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah perlulah mengawasi individu yang membuat carian terhadap sesuatu daftar dokumen hak milik, buku perserahan, buku catatan pembetulan, suratcara urusan dan permohonan yang diserahkan atau ditujukan kepada pendaftar untuk menjamin pengurusan perkara-perkara berikut:-

- (a) pemohon memperoleh dokumen dalam masa yang munasabah;
- (b) pemohon tidak memeriksa dokumen-dokumen lain dalam daftar dokumen hak milik yang sama yang belum dijelaskan bayaran untuk memeriksanya;
- (c) pemohon tidak merosakkan atau mengeluarkan mana-mana dokumen.

PEMBATALAN

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 3 Tahun 1977 (Disemak 2009) bertajuk Kemudahan-kemudahan Untuk Carian Persendirian dengan ini adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 7.6.2022 .